

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1532-MQT2761
Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah matlamat utama pelaksanaan Kampung Angkat MADANI berbanding dasar sedia ada dan apakah kriteria yang menjadi keutamaan pemilihan sesebuah kampung sebagai kampung angkat serta kelebihan yang dinikmati terutamanya melibatkan prasarana, fasiliti, dan pembangunan ekonomi.

2. PR-1532-MQT2763
Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :
 - (a) adakah prosedur terkait PAJSK berbeza bagi sekolah selain bawah Kementerian susulan masalah pelajar cemerlang yang tidak mendapat tempat di universiti pilihan pertama atau kemasukan ke SBP kerana markah PAJSK kosong; dan

 - (b) apakah tindakan bagi kes seperti ini dan langkah-langkah penyelesaian daripada berulang.

3. PR-1532-MQT2764
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :
 - (a) berapa jumlah pengguna yang telah mendaftar MyDigital ID dan apakah strategi Kerajaan untuk menggalakkan pendaftaran di kalangan penjawat awam dan berapa ramai di kalangan orang ramai yang telah mempunyai MyDigital ID; dan

 - (b) berapa aplikasi Kerajaan yang telah diintegrasikan di bawah MyDigital ID terutamanya Sistem PADU dan adakah terdapat perancangan Kerajaan untuk memperluaskan penggunaan MyDigital ID kepada sektor perbankan dan kewangan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 30

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25903
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan Kementerian untuk memperkasakan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara untuk memastikan tenaga kerja kita dilatih untuk memenuhi keperluan industri termasuk industri berkemahiran tinggi.

2. PR-1532-L24634
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan ketersediaan Kerajaan dari segi data dan mekanisme untuk melaksanakan penyasaran subsidi. Selain bahan api, adakah penyasaran ini juga melibatkan bahan keperluan lain termasuk beras.

3. PR-1532-L(5)00243
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keberkesanan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) Kementerian mewajibkan pengasingan sisa pepejal di rumah sejak 1 September 2015 dan penguatkuasaan setakat ini.

4. PR-1532-L25538

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mengembalikan program Rakan Muda dalam kalangan golongan belia kerana program ini dilihat memberi impak positif kepada belia.

5. PR-1532-L25504

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberkesanan strategi untuk mengurus (jika ada) dan cara meningkatkan sistem bekalan makanan Malaysia termasuk dalam pemantauan keselamatan makanan, pengurusan sisa makanan dan peningkatan produk makanan tempatan.

6. PR-1532-L25471

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan penguasaan ekonomi Bumiputera dan bagaimana untuk meningkatkan penyertaan syarikat tempatan Bumiputera khususnya dalam sektor berimpak tinggi; dan
- (b) apakah nisbah terkini bagi pendapatan penengah, nisbah gaji dan upah penengah bulanan isi rumah antara kaum Bumiputera, Cina dan India.

7. PR-1532-L25526

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah sebenar vaksin COVID-19 yang terpaksa dilupuskan kerana telah tamat tempoh dan berapa anggaran kerugian yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.

8. PR-1532-L24484

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :

- (a) hala tuju penanaman getah di Malaysia terutama melibatkan isu - isu seperti kebun terbiar, harga getah, dan kebijakan pekebun-pekebun kecil; dan
- (b) status terkini Bangunan RISDA Mersing yang sudah siap dibina tetapi masih belum diduduki.

9. PR-1532-L25820

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan Kementerian Kerja Raya kepada pemaju Lebuh Raya EKVE setelah tempoh pembinaan lebih raya itu melebihi dari tarikh yg dijanjikan pada bulan Mei 2024 untuk disiapkan dan dengannya membawa akibat kesesakan jalan di Hulu Langat bertambah buruk.

10. PR-1532-L25772

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan statistik kadar pertumbuhan eksport Malaysia ke luar negara sehingga Jun 2024.

11. PR-1532-L25830

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah penerima Geran Agropreneur Muda di Wilayah Sabah dan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai golongan muda khususnya dari kawasan luar bandar untuk memohon geran tersebut.

12. PR-1532-L25548

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian dalam meningkatkan tahap keselamatan kepada pengguna Laluan FT060 Changkat Jering - Beruas, selepas susur keluar Lebuhraya WCE Trong di mana keadaan laluan jalan pula merekah, tiada penghalang pada selekoh S, tiada papan tanda kawasan kemalangan dan papan tanda sekolah S yang kurang berbahaya di waktu malam dan sudah daif.

13. PR-1532-L25461

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status penawaran tanah oleh Sarawak bagi pembinaan PPR. Di manakah lokasi, serta zon yang telah dipilih termasuk keluasan dan jumlah yang dijangka akan menerima manfaat tersebut serta apakah kriteria pemilihannya.

14. PR-1532-L25718

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan statistik sistem Pangkalan Data Utama(PADU) untuk negeri Sarawak (mengikut pecahan kawasan DUN) dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil melibatkan beberapa perubahan di dalam sistem yang disyorkan oleh Kerajaan Sarawak.

15. PR-1532-L25852

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status kemajuan cadangan melebarkan dan menaik taraf Jalan Segamat - Muar dari Seksyen 73 (FT023) sehingga Persimpangan Jalan Sultan, Daerah Segamat, Johor.

16. PR-1532-L24615

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) garis panduan penanaman pokok di tepi jalan di bawah seliaan pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Tempatan, kekerapan pokok tumbang dan mengakibatkan kemalangan sepanjang tahun 2020-2024; dan
- (b) jenis-jenis pampasan yang diterima pihak mangsa akibat pokok tumbang.

17. PR-1532-L25934

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan projek pertanian berimpak tinggi untuk petani dan nelayan di Sarawak dalam menangani kos sara hidup rakyat khususnya di Parlimen Lawas.

18. PR-1532-L25395

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bentuk sokongan dan usaha yang telah dilakukan bagi membantu pemain-pemain industri e-Sports yang berpotensi besar untuk sampai ke peringkat antarabangsa.

19. PR-1532-L25417

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah insentif yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk membawa balik bakat tempatan berkemahiran tinggi dari luar negara dan mekanisme bagi menangani kekurangan tenaga kerja khususnya dalam sektor pembuatan di Malaysia.

20. PR-1532-L25175

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah rasionalnya Kementerian menghapuskan skim geran percuma usahawan Bumiputera.

21. PR-1532-L25859

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah pembinaan kampus Akademi Binaan Malaysia wilayah Sabah yang bertempat di Kinarut Sabah akan dimulakan. Kewujudan akademi ini adalah untuk memperkasakan TVET di kalangan Belia.

22. PR-1532-L24820

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan terdapat 163 buah perkampungan baru Cina di negara ini, berapa jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan kepada setiap kampung-kampung ini khasnya di negeri Pahang termasuk di Parlimen Maran.

23. PR-1532-L25427

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) peranan Kementerian dalam membuka peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan dan tidak mempunyai kelulusan yang tinggi dalam pelajaran untuk menceburi bidang TVET; dan
- (b) apakah halatuju KESUMA bagi meningkatkan imej institusi TVET di bawah KESUMA.

24. PR-1532-L25267

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah bagi mengambil alih atau menyambung projek pembinaan Jambatan Sungai Kupang yang sudah lama terbengkalai.

25. PR-1532-L25275

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mengatasi masalah kebantutan di kalangan kanak-kanak yang menetap di rumah PPR seperti yang dilaporkan dalam kajian Living on The Edge oleh UNICEF.

26. PR-1532-L24674

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana langkah-langkah dalam 12 Inisiatif Gelombang Padi dapat dilaksanakan melalui saluran subsidi mengikut pengeluaran dan bukannya berpandukan kepada keluasan tanaman padi bagi mengelakkan ketirisan berlaku.

27. PR-1532-L25640

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi merealisasikan sasaran pengeluaran bekalan daging tempatan melebihi 100,000 metrik tan setahun menjelang tahun 2030 dan bagaimana kawasan luar bandar dengan tanah yang luas seperti Jempol boleh membantu usaha ini.

28. PR-1532-L24642

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapa jumlah lesen sampan yang dikeluarkan kepada para pemohon di daerah Kerian dari tahun 2018 hingga sekarang mengikut bilangan kaum, mengapa sehingga sekarang pengeluaran lesen baru kepada pemohon-pemohon masih dibekukan.

29. PR-1532-L25045

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah risiko dan implikasi yang harus ditanggung oleh Malaysia apabila berlakunya ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China terutamanya dengan pengumuman kenaikan tarif baru-baru ini.

30. PR-1532-L25590

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Jabatan Landskap Negara mempunyai perancangan dan bajet untuk disalurkan kepada PBT Hulu Perak seperti Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Pengkalan Hulu bagi menaik taraf landskap bandar tempatan yang suram memandangkan kawasan ini adalah laluan utama pelancong ke Thailand.

31. PR-1532-L25527

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tempoh masa yang telah ditetapkan dalam melaksanakan inisiatif transformasi kesihatan digital menerusi penggunaan sistem satu-individu-satu-rekod di seluruh negara, terutamanya di Sabah di mana kebanyakan hospital awam masih menyimpan rekod pesakit secara manual.

32. PR-1532-L24482

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membantu Kerajaan Negeri terutamanya aspek penyediaan dana dalam proses pembinaan Kompleks Belia dan Sukan di daerah Mersing yang dicadangkan dibina di Taman Wawasan Mersing.

33. PR-1532-L25294

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status perancangan pembinaan sebuah Balai Bomba di Pulau Bruit di Parlimen Tanjung Manis. Kawasan yang mempunyai 12 buah kampung dan sebuah rumah panjang ini terletak agak jauh dari balai bomba yang berdekatan.

34. PR-1532-L25035

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa jumlah yang telah dibelanjakan bagi kos penyelenggaraan jalan raya setiap negeri di seluruh Malaysia dan berapa penambahan kos perbelanjaan daripada peruntukan yang telah ditetapkan sehingga kini.

35. PR-1532-L25058

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik permohonan memasuki program di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mengikut pecahan kaum dan kursus dari tahun 2020 sehingga kini.

36. PR-1532-L24671

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) program baru yang telah dikenal pasti untuk Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan selain tanaman jagung bijian, tanaman ternakan dan pemasaran; dan
- (b) peratusan perbelanjaan yang telah digunakan daripada Belanjawan 2024 bagi projek ini serta kejayaan semasa program ini kepada sektor pertanian negara.

37. PR-1532-L25495

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) apakah inisiatif pihak Kerajaan untuk menyokong pembangunan dan kemampuan infrastruktur kitar semula bateri EV yang memerlukan kos yang tinggi; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan dalam menggalakkan pemasangan *port* pengecasan EV di kawasan perumahan strata seperti pangaspuri.

38. PR-1532-L25473

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pendekatan khusus Kerajaan mengenai undang-undang Anti-Ali Baba termasuk tindakan yang akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati menyewa lesen perniagaan kepada pekerja asing tanpa menepati syarat yang ditetapkan.

39. PR-1532-L25724

Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah penerima manfaat dan jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk program pengukuhan keusahawanan dan pembiayaan kewangan usahawan luar bandar di seluruh negara setakat ini.

40. PR-1532-L24623

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) apakah punca-punca berlakunya peningkatan Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan Autisme yang semakin meningkat; dan
- (b) adakah terdapat kajian dilaksanakan untuk mengurangkan kes Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan Autisme.

41. PR-1532-L25642

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kementerian bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan perancangan dan penyelenggaraan landskap berikutan terdapat peningkatan kes pokok-pokok yang berisiko tinggi tumbang dan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.

42. PR-1532-L25247

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rancangan untuk membina baru infrastruktur sukan serta menaik taraf dan menyelenggara fasiliti sukan sedia ada seluruh negara sebagai langkah untuk mempromosi aktiviti sukan dan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

43. PR-1532-L25345

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina baru atau menaik taraf klinik-klinik desa di kawasan luar bandar dan pesisir di kawasan Parlimen Igan. Nyatakan klinik desa yang terlibat dan apakah bentuk tindakan yang akan diambil.

44. PR-1532-L25239

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini Projek Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Balah, Jeli.

45. PR-1532-L25404

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah pergerakan fasa menjadikan Hospital Kota Marudu sebagai hospital pakar serta bagaimanakah kedudukan terkini tindakan dalam menjadikan Hospital Kota Marudu sebagai kluster kesihatan di bahagian Utara Wilayah Sabah.

46. PR-1532-L25366

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) apakah status sistem pangkalan data utama (PADU) yang terkini ; dan
- (b) adakah penyelarasan subsidi minyak oleh Kementerian akan menggunakan sepenuhnya sistem PADU.

47. PR-1532-L25307

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai penubuhan Pusat Jantung Negara Sabah :

- (a) status terkini peruntukan segera RM80 juta bagi tujuan ini; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk membina pusat jantung khusus di lokasi yang berlainan di Sabah memandangkan ianya dilihat lebih sesuai dan terdapat keperluan mendesak berbanding menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada atau penjenamaan semula hospital Queen Elizabeth 2 (HQE 2).

48. PR-1532-L24545

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan Kementerian terhadap fungsi keberkesanan dan keperluan sistem PADU dalam menentukan subsidi bersasar jika pelaksanaan seperti subsidi diesel masih memerlukan pendaftaran di BUDI MADANI bawah Kementerian Kewangan.

49. PR-1532-L25497

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

(a) apakah perancangan Kerajaan supaya pemain industri automotif tempatan kekal kompetitif susulan penurunan harga EV akibat lebihan penawaran global; dan

(b) adakah Kerajaan merancang untuk menyokong pembangunan industri kenderaan hybrid.

50. PR-1532-L25789

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kewajaran bagi membenarkan kemasukan ekspatriat profesional dalam bidang teknologi maklumat (IT) ke dalam industri tempatan dalam keadaan terdapat banyak profesional berbakat dalam bidang yang sama dalam kalangan anak tempatan.

51. PR-1532-L25551

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan tegas segera diambil memandangkan larangan merokok di semua restoran, premis makanan dan tempat awam tertentu yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 semakin diabaikan oleh rakyat sejak tahun 2020 kerana kegagalan atau kelemahan penguatkuasaan larangan merokok sudah tidak di pandang serius.

52. PR-1532-L25723

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan data dan statistik terkini miskin dan miskin tegar di Sarawak dan khasnya di Parlimen Saratok memandangkan Kerajaan sekarang ini telah mempunyai formula untuk menontahkan kemiskinan di Malaysia.

53. PR-1532-L25014

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perbelanjaan Kerajaan bagi menjayakan pelaksanaan Pangkalan Data Utama (PADU) termasuk belanja untuk mengupah kakitangan tambahan, bayaran untuk iklan dan lain-lain perbelanjaan lain yang terlibat.

54. PR-1532-L24659

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) jumlah pendaratan tukun tiruan di perairan negeri Pahang khasnya dan negara seluruh negara amnya bagi tempoh antara 2019 sehingga 2023; dan
- (b) peningkatan hasil laut susulan pendaratan tukun tiruan di setiap negeri.

55. PR-1532-L25191

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri yang dipohon oleh Kementerian Pengangkutan dapat diberikan keutamaan dan diluluskan di bawah Rolling Plan 4/5, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), memandangkan projek ini dijangka memberikan impak positif kepada penduduk Utara Sarawak.

56. PR-1532-L25258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan laporan status perlaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) yang dilancarkan dalam usaha mengarusperdanakan peralihan tenaga naratif pembangunan negara.

57. PR-1532-L25228

Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan prevalens penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan penyakit jantung serta apakah ada perancangan dan program pencegahan dan kesedaran mengenai gaya hidup sihat sedang dilaksanakan di peringkat nasional.

58. PR-1532-L24696

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mempunyai perancangan menyediakan garis panduan khusus serta bersedia memberi kebenaran jualan beras daripada pesawah yang memiliki mesin proses padi mini secara terus kepada pengguna dalam menggalakkan inovasi dan kepelbagaiannya produk di pasaran sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah padi.

59. PR-1532-L25287

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang diguna pakai oleh pihak Kementerian dalam memastikan pelaksanaan transformasi kesihatan digital di setiap fasiliti kesihatan seluruh negara dapat dinikmati oleh semua rakyat khususnya di kawasan luar bandar yang dilihat masih ketinggalan dan menggunakan kaedah konvensional.

60. PR-1532-L25981

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian bagi memastikan projek Central Spine Road (CSR) bagi kesemua pakej di Gua Musang dapat ditangani kelewatan progres pembinaan bagi mengelakkan kesesakan trafik disebabkan proses pembinaan jalan tersebut yang tidak mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP).

61. PR-1532-L25145

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah permohonan dan kelulusan insentif IPR (Insentif Pendapatan Rakyat) yang telah disalurkan kepada rakyat di daerah termiskin daerah Kudat, daerah kecil Banggi dan daerah Pitas bagi tujuan program pembasmian kemiskinan.

62. PR-1532-L25047

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah statistik dan langkah prolifik Kementerian dalam mengendalikan sisa bahan buangan untuk tujuan dimanfaatkan atau diberikan hayat kedua.

63. PR-1532-L25613

Tuan Suhaihan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pembelajaran TVET di Malaysia telah dilaksanakan sejak 60 tahun tetapi kualitinya belum memenuhi keperluan industri atau kemajuan / cabaran semasa dan apakah perancangan Kementerian untuk melantik suatu badan bebas dalam memantau secara berkala kualiti serta pencapaian dasar TVET negara masa kini agar kegagalan sebelum ini tidak berulang semula.

64. PR-1532-L24724

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan program-program untuk lepasan graduan atau golongan belia seperti pertanian bagi bertujuan sekuriti makanan dan perniagaan dengan objektif untuk mengoptimakan penggunaan tanah terbiar Kerajaan di daerah kecil Sungai Siput.

65. PR-1532-L(5)00260

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian atas situasi Klinik Kesihatan Sungai Chua yang ditutup sementara sejak 21 Mei 2024, serta apa garis masa dan kos untuk pembaikan dan pembukaan semula klinik kesihatan tersebut.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

66. PR-1532-L25441

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani isu kurang tenaga kerja dan bebanan dalam kalangan petugas kesihatan.

67. PR-1532-L25848

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemungkinan membatalkan projek KL NODE bersandarkan pembatalan projek PJD Link setelah pemegang konsesi gagal memenuhi enam daripada 11 syarat ditetapkan dan penduduk setempat membantah sekeras-kerasnya supaya guna tanah dapat dioptimumkan untuk membina rumah, menyediakan pengangkutan awam dan menangani perubahan iklim.

68. PR-1532-L24695

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bentuk atau mekanisme kawalan yang sedang diambil pihak Kementerian dalam menangani masalah ketidak cekapan penyedia khidmat jentera tuai padi sehingga menyebabkan kerugian kepada pesawah yang mana padi masak mereka gagal dituai pada masanya.

69. PR-1532-L25416

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk memastikan tenaga kerja perubatan dan terlatih di hospital Kerajaan sentiasa mencukupi serta langkah Kementerian untuk mengurangkan kadar perpindahan tenaga kerja perubatan ke sektor swasta akibat kepadatan jadual semasa bertugas.

70. PR-1532-L(5)00255

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah khas Kerajaan untuk menarik pelaburan ke Sabah Sarawak pada lawatan ke luar negara akan datang oleh YAB Perdana Menteri memandangkan hampir semua pelaburan sebelum ini hanya berfokus di Semenanjung. Bolehkah dalam lawatan ke luar negara akan datang rombongan YAB Perdana Menteri ini dianggotai lebih ramai wakil dari Sabah Sarawak.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

71. PR-1532-L25894

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah pergedar bumiputra berbanding pengedar bukan Bumiputera dalam Proton. Apakah langkah yang diambil agar pengedar Bumiputera terus berjaya dalam pengedaran kereta nasional kita ini.

72. PR-1532-L25342

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya semua Kementerian dan agensi Kerajaan mematuhi peruntukan berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan selepas penguatkuasaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 pada 1 Jun 2024.

73. PR-1532-L25171

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) mengapa perjanjian dan harga Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) boleh berubah; dan
- (b) adakah pemilik boleh diusir jika gagal memenuhi kehendak terma yang baru.

74. PR-1532-L25635

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan kebergantungan industri terhadap tenaga buruh asing dapat diminimakan, serta apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pekerja asing menyedari dan mematuhi hak dan tanggungjawab mereka di bawah undang-undang Malaysia.

75. PR-1532-L25127

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk mengadakan Program Perumahan Rakyat (PPR) baharu di Padang Terap memandangkan permintaan golongan B40 terhadap rumah mampu milik di Padang Terap semakin meningkat.

76. PR-1532-L25472

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Luper] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan terkini projek pembinaan Jalan Serandong/Perpat/Paloh/Batang Maro yang dijangka akan mula dibina pada Jun 2024.

77. PR-1532-L25039

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah bangunan-bangunan Kerajaan yang dikategorikan daif dan perancangan Kerajaan untuk menambah baik fasiliti tersebut.

78. PR-1532-L25208

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan solusi ketidakpengiktirafan program *parallel pathway* melalui Royal College of Surgeons, Edinburgh untuk *cardiothoracic surgery* supaya dapat menangani masalah kekurangan pakar pembedahan jantung dan pada masa sama dapat menghentikan kontroversi serta polemik yang sedang berlaku.

79. PR-1532-L25722

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa pihak CIDB menaikkan harga bayaran kursus CIDB daripada RM80 kepada RM160 untuk pelajar Institusi Latihan Perindustrian (ILP) yang menyertai kursus CIDB di pusat ILP tanpa mengambil kira kemampuan ibu bapa pelajar yang terlibat.

80. PR-1532-L25309

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan peluang pekerjaan khususnya kepada golongan belia dan wanita di Sabah; dan
- (b) sejauh manakah sambutan ke atas program-program latihan kemahiran daripada golongan ini di Sabah.

81. PR-1532-L24666

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan pihak Perbadanan Perumahan Nasional (NHC) menangani masalah ketidaksepadanan antara permintaan dan bekalan perumahan mampu milik dengan lebih berkesan.

82. PR-1532-L25393

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini reformasi sistem kesihatan Malaysia serta status terkini klinik-klinik daif di Sarawak terutamanya di Parlimen Batang Sadong.

83. PR-1532-L25774

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status ketetapan resolusi dan program dalam Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) serta tindakan susulan yang telah diambil.

84. PR-1532-L25604

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian mengatasi masalah polimik Program Latihan Ijazah Kepakaran atau Parallel Pathway.

85. PR-1532-L25206

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendekatan khusus yang diambil oleh Kementerian terhadap migrasi pekerja tempatan susulan bilangan rakyat tempatan yang mencari pekerjaan di Singapura yang dilaporkan meningkat hampir sekitar 62 peratus dalam suku pertama 2024.

86. PR-1532-L25383

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan strategi Kerajaan yang lebih komprehensif untuk terus mempertingkatkan kedudukan dan memperkasa kelebihan Malaysia dalam penghasilan, pemasangan dan pengujian cip dan menyempurnakan rantaian bekalan industri ini terutamanya dalam perang cip antara Amerika Syarikat dan China serta situasi geopolitik yang semakin tegang.

87. PR-1532-L25600

Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [Lumut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil oleh pihak berkuasa bagi memastikan sistem perparitan di kawasan pembangunan perumahan baru direka bentuk dengan teliti dengan mengambil kira kesan aliran air terhadap kawasan sekitar, khususnya kawasan rendah untuk mengatasi masalah banjir kilat.

88. PR-1532-L25572

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah reformasi yang diperlukan untuk sistem kesihatan negara untuk memastikan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira status kewangan, dapat akses yang diperlukan untuk penjagaan berkualiti tinggi tanpa perlu bimbang dengan kesulitan kewangan.

89. PR-1532-L25291

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pengoperasian Klinik Kesihatan Semop yang sudah siap sepenuhnya pada hujung tahun 2023. Bilakah klinik tersebut dapat mulakan operasi dan berapa ramai kakitangan serta jawatan dan apakah jenis perkhidmatan yang akan ditawarkan di klinik tersebut.

90. PR-1532-L25353

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) bilangan doktor kontrak yang bakal mengakhiri tempoh perkhidmatan pada bulan Julai atau November 2024 tetapi tidak mendapat jawatan tetap atau perlanjutan kontrak; dan
- (b) apakah hala tuju atau masa depan mereka selepas kontrak perkhidmatan berakhir.

91. PR-1532-L25408

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam menambah jumlah klinik kesihatan di daerah Kota Marudu memandangkan ada keperluan di kawasan-kawasan yang sukar dilalui seperti Sonsogon Magandai, Sonsogon Paliu dan Sungai Magandai yang memerlukan klinik kesihatan bagi menjamin taraf kesihatan yang lebih baik kepada penduduk di kawasan ini.

92. PR-1532-L25330

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan klinik dan hospital Kerajaan di seluruh negara dan berapa peratusan klinik dan hospital Kerajaan mengalami kekurangan kakitangan terutamanya doktor. Apakah sebab utama kekurangan doktor dan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

93. PR-1532-L25975

Datuk Matbalhi bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf kompleks sukan di daerah-daerah dengan mengganti trek lumba lari yang sudah usang agar selamat digunakan untuk aktiviti sukan sekolah dan menambah lampu limpah di untuk aktiviti sukan pada waktu malam.

94. PR-1532-L25490

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lumar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan inisiatif Kementerian untuk mewujudkan Pusat Rawatan Hemodialis di Klinik Kesihatan Sebuyau dan Klinik Kesihatan Beladin serta kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan di Klinik Kesihatan Sebangan.

95. PR-1532-L25095

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) adakah sebarang cadangan bagi pembangunan dan menaik taraf infrastuktur serta fasiliti peniaga dan gerai peniaga kecil dalam Parlimen Libaran; dan
- (b) berapa banyak peruntukan yang telah disalurkan ke Pihak Berkuasa Tempatan bagi kerja-kerja tersebut.

96. PR-1532-L25657

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan dan perancangan jangka panjang untuk atasi masalah kesesakan lalu lintas yang melampau di jalan FT03 sepanjang jalan dari Pandan ke Ulu Tiram.

97. PR-1532-L25509

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan masa pendek dan juga jangka masa panjang Kementerian untuk menambah bilangan doktor, jururawat dan kakitangan kesihatan lain di hospital dan klinik Kerajaan bagi mengurangkan beban kerja dan mempercepatkan proses rawatan agar pesakit tidak menunggu lama untuk dirawat.

98. PR-1532-L25449

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan statistik jumlah penerima manfaat program PROSPEK. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk meluaskan program PROSPEK ke daerah-daerah lain di Sarawak khususnya Selangau untuk meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

99. PR-1532-L24781

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerosakan lampu jalan Persekutuan di Tawau dan Sabah akan diselesaikan Lebih 1000 kemalangan dicatatkan dalam masa dua tahun ini, menjadikan Tawau penyumbang tertinggi kemalangan di Sabah yang melibatkan banyak kehilangan nyawa dan kecederaan yang teruk akibat dari keadaan jalan yang gelap dan tidak selamat.

100. PR-1532-L25070

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan memperuntukan dana untuk pembinaan balai bomba di Julau dalam masa terdekat serta adakah Kementerian akan membekalkan alat pemadam api mudah alih di setiap rumah panjang dan bilakah tanah tapak pembinaan akan diperoleh untuk membina balai bomba baharu.

101. PR-1532-L25922

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah saiz pengambilan tanah yang dijangka dalam pembinaan Lebuh Raya WISE.

102. PR-1532-L25062

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pemantauan Kementerian terhadap kedaifan ameniti sosial di kawasan luar bandar di seluruh negara dan apakah pertimbangan semasa Kementerian untuk menaik taraf fasiliti seperti padang dan balai raya yang daif di Parlimen Tanjung Piai.

103. PR-1532-L25828

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci perbelanjaan terkini peruntukan berjumlah RM50 juta yang telah diluluskan dalam Bajet 2024 bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi huma khususnya di Wilayah Sabah.

104. PR-1532-L25573

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah dasar jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta langkah percuakan yang akan diambil untuk mengubah fenomena '*brain drain*' kepada '*brain gain*' dan apakah kekurangan struktural dalam pasaran buruh tempatan yang memerlukan penstrukturran semula untuk mengekang perpindahan buruh berkemahiran tinggi keluar dari Malaysia.

105. PR-1532-L25072

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memperluas dan menambahkan bilangan stesen pengecasan EV untuk kendaraan elektrik di Malaysia.

106. PR-1532-L25432

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pencapaian terkini Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP).

107. PR-1532-L25296

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pencapaian terkini Kerajaan dalam menjayakan agenda Integrasi Ekonomi Serantau untuk melahirkan syarikat tempatan yang berdaya saing di pasaran antarabangsa.

108. PR-1532-L25201

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan data terperinci berhubung jumlah bilangan isi rumah miskin tegar mengikut negeri, kategori isi rumah serta pecahan kaum sehingga Jun 2024.

109. PR-1532-L25880

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan strategi atau rancangan untuk bekerjasama dengan pihak industri seperti kilang syarikat multinasional dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam mewujudkan program TVET berkualiti untuk memenuhi keperluan pasaran terkini.

110. PR-1532-L24804

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pertimbangan Kerajaan untuk melanjutkan inisiatif i-Miliki bagi mereka yang ingin membeli rumah pertama di pasaran sekunder dan apakah Kerajaan berhasrat untuk melakukan penambahbaikan terhadap inisiatif yang telah dilaksanakan sejak Jun 2022 ini.

111. PR-1532-L25375

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan secara terperinci:

- (a) mekanisme bagi rasionalisasi subsidi petrol dan diesel termasuk garis masa pelaksanaan, implikasi kewangan yang terlibat serta pendekatan dalam meringankan bebanan rakyat ; dan
- (b) sejauh manakah impak program rasionalisasi subsidi dapat dirasai pada tahun ini mengikut kategori isi rumah yang telah dikenal pasti.

112. PR-1532-L25256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan rasional penubuhan Jawatankuasa Komuniti Desa MADANI (JKDM) dan sejauh manakah keberkesanannya dalam usaha membasmi kemiskinan luar bandar mengambil kira fungsi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang sedia ada di peringkat negeri.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.24/2024) Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (10 Julai 2024)**

[Perdana Menteri]

2. (D.R.25/2024) Rang Undang-Undang Keterangan Saksi Kanak-Kanak (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R.28/2024) Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

4. (D.R.26/2024) Rang Undang-Undang Keterangan (Pindaan) “ 2024.

[Perdana Menteri]

5. (D.R.27/2024) Rang Undang-Undang Sumpah dan Ikrar (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

6. (D.R.30/2024) Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

7. (D.R.29/2024) Rang Undang-Undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2024. “

[Perdana Menteri]

8. (D.R.22/2024) Rang Undang-Undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Dalam Negeri]
9. (D.R.21/2024) Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024. “
[Menteri Digital]
10. (D.R.13/2024) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (27 Mac 2024)**
[Menteri Dalam Negeri]
11. (D.R.17/2024) Rang Undang-Undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (9 Julai 2024)**
[Menteri Dalam Negeri]
12. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Perdana Menteri]
13. (D.R.18/2024) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “
[Perdana Menteri]
14. (D.R.20/2024) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “
[Perdana Menteri]

15. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

16. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

17. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepadu dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaian biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

19. PR-1532-U(27)323

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

20. PR-1532-U(27)324

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

21. PR-1532-U(27)325

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

23. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

24. PR-1532-U(27)332

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

25. PR-1532-U(27)333

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia - Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1532-U(27)334

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

27. PR-1532-U(27)335

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa sumbangan industri Sabah kepada GDP masih lagi dibawah 10%. Dan Menerima hakikat bahawa kemudahan logistik dan utiliti seperti bekalan air dan bekalan elektrik menjadi penghalang utama kepada pelabur untuk datang ke Sabah. Dan menerima hakikat kerajaan telah menujuhkan Taman-Taman Perindustrian sebagai destinasi pelaburan.

Menerima hakikat juga bahawa begitu ramai anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah ke tempat lain seperti Semenanjung untuk mencari pekerjaan. Dan menerima hakikat pada keseluruhannya, Sabah ini adalah jauh ke belakang dalam pembangunan berbanding dengan belia Semenanjung. Ia termasuklah dalam hal-hal pencapaian peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dan mengambil tanggungjawab bahawa kesenjangan di antara Semenanjung dan wilayah Sabah ini perlu ditangani segera untuk memastikan integriti negara kita dan juga memastikan kelangsungan kestabilan politik, maka dewan yang mulia ini ditangguh untuk membahaskan perkara yang sangat penting ini bertujuan memastikan agar kesenjangan pembangunan ini dapat dirapatkan."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

28. PR-1532-U(27)336

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat kos sara hidup meningkat, serta kos bahan api (minyak) pengangkutan menaik. Menerima hakikat kesesakan jalan raya semakin bertambah di Sabah. Dan menerima hakikat juga sistem pengangkutan awam di Sabah masih mahal.

Maka (Tuaran) meminta kerajaan supaya mengadakan pelan tindakan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam yang selamat, efisien, berdaya harap dengan kos yang tidak membebankan di Sabah."

[Menteri Pengangkutan]

29. PR-1532-U(27)337

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa hal air di Semenanjung adalah di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), yang menerima peruntukan secara langsung daripada Kerajaan Persekutuan. Menerima hakikat bahawa Sabah tidak menerima peruntukan bekalan air dari Persekutuan dengan alasan bahawa Sabah tidak termasuk dalam SPAN.

Menerima hakikat bahawa "Reserve Margin" bekalan air di Sabah adalah dibawah paras negatif. Dan menerima hakikat purata non revenue water di Sabah adalah atas 60%, dan hal ehwal air ini adalah hal negeri di bawah kelolaan Kerajaan Sabah. Dan menerima hakikat juga bahawa langkah-langkah untuk menurunkan NRW dan meningkatkan kapasiti loji-loji rawatan adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Maka, (Tuaran) mencadangkan Kerajaan Persekutuan mengambil langkah drastik bagi membantu Kerajaan Sabah untuk menangani masalah bekalan air di Sabah secara tuntas dengan memberi peruntukan secara geran yang mencukupi."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

30. PR-1532-U(27)338

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa perkahwinan di antara orang tempatan dengan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang tidak mempunyai dokumen berleluasa di Sabah. Dan menerima hakikat bahawa perkahwinan ini telah menyebabkan kelahiran anak-anak yang tidak mempunyai dokumen yang akhirnya menjadi "*stateless*".

Menyedari hakikat bahawa golongan "*stateless*" ini tidak dapat memasuki sistem pendidikan menyebabkan mereka membesar tanpa pendidikan. Menerima hakikat bahawa ini menjadi bebanan kepada rakyat Sabah dan Kerajaan.

Maka (Tuaran) meminta pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan pelan tindakan untuk mengatasi masalah ini sehingga mempunyai penyelesaian tuntas."

[Menteri Dalam Negeri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 20	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (kini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam)	11 Julai 2024
ST. 81	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2022	11 Julai 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	<ol style="list-style-type: none"> Penggubalan Akta bagi Menggariskan Peraturan atau Panduan untuk Salinan Diakui Sah Peluang Pendidikan untuk Warga Tanpa Dokumen Sah 	<ol style="list-style-type: none"> YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Menteri Pendidikan
YB Dato' Dr. Haji Alias bin Razak (Kuala Nerus)	<ol style="list-style-type: none"> Cadangan Tapak Baharu Klinik Kesihatan Bukit Tunggal Naik Taraf Jalan FT03 dari Kampung Pulau Rusa ke Bulatan Batu 6, Kuala Nerus 	<ol style="list-style-type: none"> YB Menteri Kesihatan YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**